

## PERKEMBANGAN PROGRAM PEMULIHAN AGAMA REMAJA DI PENJARA

*(The Development of Youth Religious Rehabilitation Program in Prison)*

<sup>1,2</sup>Mohammad Ikhwan Ismail

<sup>2</sup>Norrodzoh Siren\*

<sup>2</sup>Yusmini Md Yusoff

<sup>1</sup>Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,  
Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti  
Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

---

### ABSTRAK

Program pemulihan agama di penjara merupakan sebahagian daripada program pemulihan utama yang dilaksanakan di penjara Malaysia. Pada awal perkembangan pemulihan di penjara untuk remaja, mereka dipenjarakan bersama tahanan dewasa. Percampuran tahanan remaja dan banduan dewasa ini menimbulkan pelbagai masalah kepada tahanan remaja seperti melambatkan proses meninggalkan tabiat buruk, masalah kesihatan mental, meningkatkan risiko residivis, merendahkan peluang untuk kembali ke sekolah dan mengurangkan peratus kejayaan dalam alam pekerjaan. Oleh itu, kajian ini menganalisis sejarah perkembangan program pemulihan agama di penjara, kurikulum dan pengisian serta peranannya dalam membantu memulihkan tahanan, terutamanya untuk remaja. Hasil kajian mendapati perkembangan program pemulihan agama di penjara amat pesat dan bertambah baik sejak awal penubuhannya sehinggalah sekarang. Program pemulihan agama tidak terhad dengan aktiviti ibadah semata-mata namun telah dibangun dan disusun dengan mempunyai pelbagai bentuk modul dan kemudahan. Perkembangan yang baik ini melambangkan kesungguhan

---

\* Corresponding author: Norrodzoh Siren, Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, e-mel: raudah68@um.edu.my  
Diserahkan: 3 Mei 2024  
Diterima: 28 Mei 2024  
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2024-1601-09>

Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dalam melaksanakan program pemulihan agama serta kepentingannya dalam membantu menjayakan pemulihan tahanan. Kesimpulannya, program pemulihan agama di penjara telah berada di suatu tahap yang membanggakan namun sentiasa ada penambahbaikan bagi memperkukuhkan pelaksanaannya.

**Kata kunci:** Program pemulihan agama; remaja; penjara

### ABSTRACT

*The religious rehabilitation program is part of the main rehabilitation program implemented in Malaysian prisons. At the beginning of its development, juveniles were incarcerated with adult prisoners. The mixing of juvenile prisoners and adult prisoners creates various problems for juvenile prisoners such as delaying the process of leaving bad habits, mental health problems, increasing the risk of recidivism, lowering the chance of returning to school and reducing the percentage of success in the work world. Therefore, this study analyze the history the religious rehabilitation development programs in prisons, their curriculum and content, and their role in helping juvenile prisoners. The results of the study showed that the development of religious rehabilitation program in prisons was fast moving and improved since its inception until now. The religious restoration program was not limited to worship activities but has been developed and organized in various forms of modules and facilities. This positive development symbolizes the Malaysian Prison Department (JPM) commitment in implementing enforcing the program in order to help the rehabilitation of prisoners. In conclusion, the achievement of religious rehabilitation program in prison can be proud of regardless there are still much more improvements to be done.*

**Keywords:** Religious rehabilitation program; youth; prison

### PENDAHULUAN

Program pemulihan agama di penjara Malaysia telah menempuh satu tempoh yang amat panjang. Bermula sejak sebelum merdeka, program pemuliham agama terus dilaksanakan sehingga ke hari ini. Walaupun pada peringkat awal program pemulihan agama bergantung sepenuhnya kepada bantuan pihak luar namun kini Jabatan Penjara Malaysia (JPM) telah berjaya membangunkan program pemulihan agama yang tersusun, bermodul dan mempunyai sasaran jangka panjang. Selain itu, pelaksanaan program pemulihan agama juga disokong dengan pelbagai bentuk kemudahan fizikal seperti surau, sekolah agama serta institusi tahfiz bagi memastikan tahanan remaja benar-benar dapat menghayati program pemulihan yang diikuti. Ini bagi memastikan

program pemulihan agama tidak hanya tertumpu kepada ibadah solat, puasa dan mempelajari al-Quran namun individu yang benar-benar memahami agama sebagai cara hidup. Sokongan yang berterusan sejak dari awal hingga kini oleh pelbagai pihak yang berkepentingan juga menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan program pemulihan keagamaan di penjara. Bantuan kepakaran oleh institusi agama memastikan modul yang diguna pakai menepati keperluan oleh tahanan. Selain itu, sokongan oleh ahli akademik serta badan bukan kerajaan menyumbang kepada pelaksanaan program yang berkesan dan mampan. Program pemulihan agama berjaya membuang naratif masjid dan sebagai tempat mengaji semata-mata dengan kewujudan pelbagai bentuk program dan aktiviti. Kejayaan ini dicapai kerana JPM tidak bekerja secara bersendirian dengan melibatkan pelbagai pihak sama ada agamawan, ahli akademik dan badan bukan kerajaan bagi memperkukuhkan program pemulihan agama di penjara.

## **SEJARAH INSTITUSI TAHANAN REMAJA**

*Muar Advanced School* yang dibina pada tahun 1948 merupakan institusi tahanan pertama yang dibina di Malaysia khusus bagi remaja yang terlibat dengan jenayah (Oliver 1949). Pada tahun 1949, akibat peningkatan jumlah pesalah remaja serta penglibatan dengan jenayah berat, wujud usaha untuk menambah baik pemulihan bagi remaja yang bermasalah (Baharullah Adam 2004). Sehubungan dengan itu, pada tahun 1950, secara rasminya Sekolah Henry Gurney telah ditubuhkan dan digunakan untuk menahan serta memulihkan tahanan remaja.

## **SEKOLAH HENRY GURNEY (SHG)**

SHG adalah institusi yang ditubuhkan di bawah Jabatan Penjara Malaysia khusus bagi menahan pesalah yang berusia 14 hingga 21 tahun (Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia 2006). Nama Henry Gurney adalah bersempena nama Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya iaitu Sir Henry Lovell Goldsworthy Gurney (Muzium Jabatan Penjara Malaysia 2021). Pada logo SHG terdapat perkataan *Resurgam* dan gambar burung helang yang sedang cuba terbang menyelamatkan diri daripada api yang sedang marak. *Resurgam* merupakan perkataan Latin yang bermaksud “I shall rise again” atau “Saya akan bangkit semula”. Perkataan ini merupakan simbolik kepada falsafah di sebalik pembinaan SHG yang membantu memulihkan tahanan agar kembali menjadi manusia berguna setelah tersalah langkah terlibat dengan jenayah. Helang pula bermaksud kesungguhan tahanan SHG untuk keluar daripada cabaran dan masalah yang mampu membinasakan mereka daripada kembali berjaya.

SHG pertama ditubuhkan pada 15 Mei 1950 di Telok Mas, Melaka (Muzium Jabatan Penjara Malaysia 2021) yang terletak kira-kira 157 kilometer dari ibu negara Kuala Lumpur. SHG Telok Mas terletak di tepi laut menghadap Selat Melaka yang

berkeluasan 15,319 hektar (Baharullah Adam 2004). Penghuni pertama SHG Telok Mas berjumlah 70 orang yang pada awalnya merupakan tahanan daripada Muar *Advanced School*, Johor (Baharullah Adam 2004). Kini, ia mampu menempatkan sehingga 800 orang tahanan pada satu-satu masa (Jabatan Penjara Malaysia 2019). SHG Telok Mas menempatkan tahanan lelaki dan wanita dan setiap tahanan lelaki diletakkan di enam buah rumah iaitu Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu (Baharullah Adam 2004). Manakala rumah Tun Teja bagi wanita (Jabatan Penjara Malaysia 2019). Selain itu, antara kemudahan lain yang terdapat di SHG Telok Mas ialah klinik kesihatan (Jabatan Penjara Malaysia 2016), surau (Jabatan Penjara Malaysia 2020), dewan besar (Jabatan Penjara Malaysia 2021), kompleks sukan (Jabatan Penjara Malaysia 2020), bengkel jahitan (Jabatan Penjara Malaysia 2020), perpustakaan (Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka 2020), kelas akademik (Alzahrin Alias & Nasaruddin Parzi 2015) dan gelanggang tinju (Bernama 2019). Bermula tahun 2016, SHG Telok Mas telah melakar sejarah dengan terbinanya Sekolah Agama Henry Gurney, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) (Ariffin & Ahmad 2021).

SHG kedua yang ditubuhkan ialah SHG Banda Hilir yang juga terletak di Melaka (Baharullah Adam 2004). Pada asalnya SHG Banda Hilir merupakan penjara bagi banduan dewasa yang dibina pada tahun 1860 (Baharullah Adam 2004). Namun selepas pembinaan SHG Telok Mas, timbul keperluan untuk memindahkan tahanan SHG Telok Mas yang bermasalah di institusi tahanan yang lain. Maka, Penjara Banda Hilir telah ditukar menjadi SHG Banda Hilir bagi menerima tahanan daripada SHG Telok Mas yang bermasalah (Baharullah Adam 2004). Antara faktor penerimaan kemasukan ini ialah tahanan yang terlibat dengan kongsi gelap yang menyebabkan pergaduhan antara kumpulan serta kaum (Baharullah Adam 2004), penghuni yang melarikan diri, penghuni yang dilanjutkan tempoh tahanan dan penghuni yang mempunyai sebab-sebab keselamatan yang dirasakan perlu oleh Jabatan Penjara Malaysia untuk dihantar ke SHG Banda Hilir (Baharullah Adam 2004). Lokasi SHG Banda Hilir adalah bersebelahan Balai Polis Banda Hilir dan 8 kilometer dari SHG Telok Mas. Pada tahun 1990, SHG Banda Hilir ditutup dan ditukar peranannya menjadi penjara reman (Malaysia 2013). Pada 27 Januari 2010, SHG Banda Hilir ditamatkan peranannya sebagai institusi tahanan dan diluluskan untuk dijadikan Muzium Penjara Malaysia hingga kini (Jabatan Penjara Malaysia 2019).

SHG ketiga yang terdapat di Melaka ialah SHG Dusun Dato Murad dan diletakkan di bawah pentadbiran SHG Telok Mas, Melaka (Baharullah Adam 2004). Ditubuhkan pada 1 September 1969, SHG Dusun Dato Murad terletak di Ayer Keroh, Melaka (Baharullah Adam 2004) mempunyai keluasan kawasan 105 ekar (Baharullah Adam 2004) dan dilengkapi dengan kawasan pertanian, blok penginapan, tempat riadah dan bangunan pentadbiran (Jabatan Penjara Malaysia 2021). Nama SHG Dusun Dato

Murad diambil bersempena Ketua Pengarah Penjara Malaysia ketika itu iaitu Tan Sri Murad Ahmad (Jabatan Penjara Malaysia 2019). Tan Sri Murad Ahmad merupakan Ketua Pengarah Penjara Malaysia ketiga namun anak watan pertama yang menjawat jawatan tersebut (Jabatan Penjara Malaysia 2019). Penubuhan SHG Dusun Dato Murad adalah kerana pertambahan tahanan di SHG Telok Mas yang berasal dari kawasan luar bandar dan mempunyai minat dalam bidang pertanian. Melihat kepada peningkatan jumlah kumpulan tahanan tersebut maka Jabatan Penjara Malaysia menjadikan SHG Dusun Dato Murad sebagai sebuah kawasan yang berfokus kepada program pemulihan berasaskan pertanian, perikanan dan pertukangan (Baharullah Adam 2004). Pada 15 Januari 2003, SHG Dusun Dato Murad telah ditamatkan peranannya sebagai SHG dan ditukar namanya kepada Penjara Pra Bebas Dusun Dato Murad (Jabatan Penjara Malaysia 2021). Perubahan ini menyebabkan semua tahanan SHG Dusun Dato Murad dipindahkan ke SHG Telok Mas kerana SHG Dusun Dato Murad telah mula menerima banduan dewasa yang mempunyai baki hukuman dua tahun ke bawah (Jabatan Penjara Malaysia 2021).


Sebuah lagi SHG yang berada di Semenanjung Malaysia terletak di Batu Gajah, Perak iaitu SHG khusus untuk penempatan tahanan wanita. SHG ini ditubuhkan pada tahun 1954 di atas tanah berkeluasan 1.25 hektar (Jabatan Penjara Malaysia 2021). Sejarah SHG Wanita Batu Gajah bermula sebagai Penjara Kinta yang ditubuhkan pada tahun 1902 untuk menahan banduan lelaki dewasa (Jabatan Penjara Malaysia 2021). Kemudian pada tahun 1951 ditukar kepada *Central Women Prison* dan hanya 3 tahun selepas itu iaitu pada tahun 1954 berfungsi sebagai institusi tahanan remaja wanita bawah umur dan dikenali sebagai SHG Wanita Batu Gajah sehingga tahun 2006 (Jabatan Penjara Malaysia 2021). Selepas tahun 2006 SHG Wanita Batu Gajah telah ditutup dan ditukar peranannya sebagai Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah hingga kini (Jabatan Penjara Malaysia 2021).

Selain di Melaka dan Perak, Sabah merupakan sebuah lagi negeri yang mempunyai SHG. Di Sabah terdapat dua buah SHG iaitu di Keningau dan Kota Kinabalu (Jabatan Penjara Malaysia 2021). SHG Keningau ditubuhkan pada tahun 1966. Pada awalnya ia dikenali sebagai Penjara Terbuka Keningau (PTK) dan berfungsi sebagai penjara banduan dewasa (Jabatan Penjara Malaysia 2021). SHG ini berada di Kilometer 3 Jalan Nabawan – Keningau, 113km dari Bandaraya Kota Kinabalu (Jabatan Penjara Malaysia 2021). Antara kemudahan yang terdapat di SHG Keningau ialah blok penginapan, blok pentadbiran, dewan makan, bilik asingan, surau, dewan kuliah, perpustakaan (Jabatan Penjara Malaysia 2021), pusat ternakan lembu dan ladang (Jabatan Penjara Malaysia 2012). SHG Kota Kinabalu pula terletak di dalam Penjara Kota Kinabalu dan di bawah pentadbiran Penjara Wanita Kota Kinabalu (Jabatan Penjara Malaysia 2021) telah mula beroperasi sejak Mei 1968 dan dilengkapi dengan kemudahan bengkel jahitan, penyajian makanan dan bengkel roti (Jabatan Penjara Malaysia 2021).

Selain itu, Sarawak juga mempunyai SHG iaitu SHG Puncak Borneo. SHG Puncak Borneo mula beroperasi pada 1 Oktober 2015 (Patricia Gari t.th) dan terletak kira-kira 30 kilometer dari Bandaraya Kuching (Andrew 2018). SHG Puncak Borneo berkeluasan 43.91 hektar dan boleh menempatkan 550 orang tahanan pada satu-satu masa (Andrews 2018). Antara kemudahan yang ada di SHG Puncak Borneo adalah ruang tidur, ruang makan, kelas, pejabat dan bilik kaunseling (Andrews 2018). Secara keseluruhan, kajian mendapati terdapat tujuh buah SHG di Malaysia dari tahun 1950 sehingga 2015 iaitu:

1. Telok Mas.
2. Banda Hilir.
3. Batu Gajah.
4. Keningau.
5. Kota Kinabalu.
6. Dusun Dato Murad.
7. Puncak Borneo.

Namun, yang masih kekal sehingga ke hari ini hanya empat buah sahaja, sebuah di Semenanjung Malaysia iaitu SHG Telok Mas, Melaka, dua buah di Sabah iaitu SHG Keningau dan SHG Kota Kinabalu dan sebuah di Sarawak iaitu SHG Puncak Borneo. Umumnya, semua SHG menyediakan keperluan asas untuk tahanan seperti penginapan, makan, minum dan keperluan kebersihan diri. Selain itu, tahanan juga mendapat kemudahan kesihatan, pendidikan, rekreasi, kemahiran dan keagamaan. RAJAH 1 di bawah merupakan secara ringkas sejarah perkembangan SHG di Malaysia.



RAJAH 1 Sejarah Penubuhan SHG di Malaysia (1950 – 2015)

## **SEKOLAH INTEGRITI (SI)**

SI telah dirasmikan penubuhannya pada 10 April 2008 (Jabatan Penjara Malaysia, 2008) dan berkonsepkan sekolah di dalam penjara (Darussalam Budin 2014). SI ditubuhkan hasil kerjasama antara dua kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui JPM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Darussalam Budin 2014). Melalui kerjasama ini JPM bertanggungjawab menyediakan kemudahan seperti sekolah dan kelas manakala KPM akan menyediakan guru, silibus pelajaran serta buku teks (Darussalam Budin 2014). Pada tahun yang sama sebanyak lapan buah SI juga telah ditubuhkan iaitu SI Kajang di Penjara Kajang, Selangor, SI Sungai Petani di Penjara Sungai Petani, Kedah, SI Marang di Penjara Marang, Terengganu, SI Kluang di Penjara Kluang, Johor, SI Kuching di Penjara Puncak Borneo, Sarawak dan SI Kota Kinabalu di Penjara Kota Kinabalu, Sabah (Asmawati Suhid et al. 2018). Penubuhan SI di setiap kawasan ini mewakili enam zon di Malaysia (Asmawati Suhid et al. 2018) iaitu:

1. Utara (SI Sungai Petani).
2. Selatan (SI Kluang).
3. Tengah (SI Kajang).
4. Timur (SI Marang).
5. Sabah (SI Kota Kinabalu).
6. Sarawak (SI Puncak Borneo).

Selepas tahun 2008, kerajaan telah mewujudkan beberapa lagi SI seperti SI Bentong, di Penjara Bentong, Pahang; SI Muar di Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor dan SI (W) Kota Kinabalu di Penjara Wanita Kota Kinabalu, Sabah (Jabatan Penjara Malaysia 2020). Walau bagaimanapun, pada tahun 2018 kerajaan telah menutup SI Kajang dan memindahkan semua tahanan ke SI yang baharu diwartakan iaitu SI Puncak Alam di Pusat Koreksional Puncak Alam, Selangor (Jabatan Penjara Malaysia 2018). Sehingga kini berdasarkan laman sesawang Jabatan Penjara Malaysia terdapat 9 buah SI di seluruh Malaysia iaitu (Jabatan Penjara Malaysia 2020):

1. Sekolah Integriti Sungai Petani
2. Sekolah Integriti Marang
3. Sekolah Integriti Bentong
4. Sekolah Integriti Puncak Alam
5. Sekolah Integriti Muar
6. Sekolah Integriti Kluang
7. Sekolah Integriti Kuching
8. Sekolah Integriti (W) Kota Kinabalu
9. Sekolah Integriti Kota Kinabalu

Untuk mencapai hasrat penubuhan SI iaitu mewujudkan pendidikan yang berterusan kepada tahanan (Darussalam Budin 2014), JPM telah melengkapkan SI dengan beberapa kemudahan. Antaranya ialah bilik komputer (Jabatan Penjara Malaysia 2021), pusat sumber (Jabatan Penjara Malaysia 2020), padang bola (Jabatan Penjara Malaysia 2019) dan dewan (Jabatan Penjara Malaysia 2018).

## **SEJARAH PROGRAM PEMULIHAN AGAMA DI PENJARA**

Pelaksanaan program keagamaan secara tersusun di penjara bermula sekitar tahun 1960-1970an. Ketika itu JPM tidak mempunyai kakitangan untuk melaksanakan program pemulihan agama dan melantik guru agama dari luar penjara. Pada sekitar 1980an barulah JPM mempunyai kakitangan untuk menjalankan program pemulihan agama. JPM telah mengatur jadual program untuk dilaksanakan oleh kakitangan dan penceramah undangan, serta mewujudkan insentif sebanyak RM50.00 sebagai ganjaran kepada banduan yang berjaya mengkhatamkan al-Quran untuk mendorong mereka membaca al-Quran (Ab Aziz Mohd Zin et al. 2018).

Impak positif program pemulihan agama terhadap pemulihan tahanan telah meyakinkan JPM untuk memperkukuhkan program pemulihan agama. Oleh sebab itu, pada 12 Oktober 1995, JPM telah menubuhkan satu unit khas khusus untuk pembangunan program pemulihan agama iaitu Unit Halaqah yang beroperasi sepenuhnya pada 1 Februari 1996. Program pemulihan agama ini dinamakan sebagai Program Halaqah yang berada di bawah tanggungjawab Unit Halaqah. Selain itu, Unit Halaqah juga bertanggungjawab menguruskan program pemulihan agama yang lain (Ab Aziz Mohd Zin et al. 2018).

Pada 26-28 Ogos 1996, JPM mengadakan kursus kepada kakitangan penjara yang dilantik sebagai guru-guru agama dan pembantu guru agama di seluruh negara. Kursus ini bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan program pemulihan agama rentetan daripada penerimaan yang amat baik daripada tahanan terhadap program pemulihan agama. Melalui kursus ini, satu kurikulum telah dibina untuk meningkatkan kualiti program pemulihan agama dan menyelaraskan pelaksanaan program ini di setiap institusi penjara. Ia dinamakan Kurikulum Pendidikan Islam. Penggubalan dan penyusunan kurikulum ini adalah sebagai panduan kepada JPM untuk melaksanakan Program Pembelajaran dan Pendidikan Islam terhadap tahanan. Kurikulum ini dipecahkan kepada tiga tahap iaitu rendah, menengah dan tinggi. Tahap rendah adalah untuk tahanan yang mempunyai pengetahuan agama yang lemah, tahap menengah pula adalah untuk yang mempunyai tahap pengetahuan agama yang sederhana dan tahap tinggi untuk yang mempunyai tahap pengetahuan agama yang baik (Ab Aziz Mohd Zin et al. 2018).



Pengasingan tahanan mengikut tahap pengetahuan ini adalah bagi memudahkan pengajian agama dijalankan mengikut tahap kefahaman masing-masing tentang agama Islam. Bagi tahanan yang mempunyai tahap pengetahuan agama yang baik mereka diberikan pengajian secara intensif. Langkah ini bagi membolehkan mereka membimbing tahanan lain yang mempunyai tahap pengetahuan agama yang lebih rendah. Bagi mempelbagaikan bentuk penyampaian program agama, JPM menggunakan kemudahan teknologi sedia ada seperti tayangan video berkaitan ibadah, al-Quran dan fardu ain. Bentuk program keagamaan juga tidak terbatas dalam bentuk kelas sahaja, tetapi JPM turut menganjurkan aktiviti seperti tilawah, tadarus serta solat tarawih. Penglibatan pihak luar dalam program pemulihan agama juga menggalakkan seperti penglibatan daripada Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Pusat Islam, Majlis Agama Islam Negeri, Angkatan Belia Islam (ABIM) dan pelbagai agensi lain (Ab Aziz Mohd Zin et al. 2018).

Pada tahun 1997, JPM menjalin kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memperkukuhkan program keagamaan yang sedang dijalankan. Usaha ini diterjemahkan melalui bengkel yang melibatkan 44 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah DG6 (6 orang), Pembantu Hal Ehwal Islam S7 (3 orang) dan pembantu guru agama yang merupakan kakitangan JPM (35 orang). Melalui kerjasama ini, JAKIM menyumbang kepakaran dengan menyediakan modul ceramah, menjalankan program motivasi, penjelasan tentang nilai-nilai Islam, lawatan serta bimbingan agama. Tahun 1997 juga melakar sejarah apabila institusi penjara menerima 51 orang pelajar daripada KUSZA untuk melakukan latihan amali di penjara dan sekaligus berperanan sebagai pembimbing kepada banduan dalam mendalami ilmu agama (Ab Aziz Mohd Zin et al. 2018).

Pada tahun 2000, JPM terus memperkukuhkan program pemulihan agama dengan menubuhkan Unit Agama di Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Unit Agama diletakkan di bawah Bahagian Pemulihan dan Rawatan. Pada ketika itu, seramai 28 orang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S5) telah dilantik dan pertambahan kakitangan memberikan impak positif kepada program pemulihan keagamaan. Kesannya, pelaksanaan program menjadi semakin lancar serta pelbagai program baharu dapat dilakukan. Antara aktiviti yang diperkenalkan ialah (Ab Aziz Mohd Zin et al. 2018):

1. Kelas Pengajian- Akidah, Feqah, Sirah, al-Quran, Hadis dan Akhlak.
2. Program keagamaan-Ceramah mingguan/bulanan, Solat jemaah, Solat Jumaat, Sambutan hari kebesaran Islam (Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Ihya' Ramadan, Aidilfitri dan Nuzul al-Quran), Anugerah tokoh Maal Hijrah, Tilawah al-Quran, Halaqah dan Forum hal ehwal Islam.

Selain itu, Unit Agama juga berjaya melakukan inovasi dengan menggunakan teks khutbah Jumaat dan Hari Raya yang sama untuk semua institusi penjara. Unit Agama juga memainkan peranan utama apabila terdapat tahanan yang ingin memeluk Islam termasuk mengurus dokumentasi dan bimbingan. Rekod menunjukkan pada tahun 2000 terdapat sejumlah 118 orang saudara baru yang terdiri daripada 99 orang warganegara Malaysia dan 19 orang warganegara asing dalam kalangan tahanan. Pada tahun 2002, JPM terus berusaha untuk menambah baik program pemulihan keagamaan di penjara. Bagi memantapkan program pemulihan keagamaan, JPM mula melakukan perancangan jangka panjang dan sasaran ketika itu ialah untuk menjadikan JPM sebagai organisasi koreksional bertaraf dunia pada tahun 2020. Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Insan (PPI) telah dilancarkan (Ab Aziz Mohd Zin et al. 2018).

### **PELAN PEMBANGUNAN INSAN**


Pada tahun 2001, kerangka PPI telah dibentangkan dalam mesyuarat tertinggi Kementerian Dalam Negeri (KDN) oleh Penguasa Penjara, Ajidin Hj. Salleh. Pada tahun 2002, projek rintis PPI telah dijalankan di Penjara Marang Terengganu. Pada tahun 2004, PPI telah dilancarkan dan dikembangkan ke seluruh institusi penjara di Malaysia dengan memberi penekanan kepada tiga tunjang utama iaitu Model Terapeutik Komuniti, Modul Halaqah dan Modul PUTRA. Selain itu, Sistem Pemarkahan Mengikut Jam Kredit sebagai penilaian baru kepada penghuni telah digunapakai. Pada tahun 2008, Model Terapeutik Komuniti dan Modul Halaqah telah diperkemas. Pada tahun 2008 juga Modul Pendidikan dan Bimbingan telah diperkenalkan. Pada tahun 2010, Modul Jenayah yang merupakan sub modul daripada Modul Pendidikan dan Bimbingan telah dikembangkan kepada beberapa sub modul iaitu Sub Modul Jenayah Lalulintas, Sub Modul Jenayah Seksual, Sub Modul Jenayah Kolar Putih dan Sub Modul Jenayah Umum. Empat sub modul ini telah diluluskan pelaksanaannya pada tahun 2012 setelah melalui penilaian oleh Jawatankuasa Panel Akademik, Jabatan Penjara Malaysia yang terdiri daripada pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)(Jabatan Penjara Malaysia, 2014).

PPI disasarkan bagi mencapai empat objektif utama iaitu untuk mewujudkan kesedaran mengenai kesalahan yang dilakukan, menerima hukuman yang dijatuhkan, memberikan ilmu dan kemahiran berkaitan kehidupan serta keagamaan dan menginsafi kesalahan yang dilakukan. Bagi mencapai objektif ini PPI dibina dengan menggabungkan tiga kaedah pemulihan iaitu pemulihan sendiri, pemulihan melalui teladan dan pemulihan berstruktur. Pemulihan sendiri merujuk kepada usaha untuk menimbulkan kesedaran kepada tahanan untuk menyedari kesilapan yang dilakukan, meninggalkan tabiat buruk, berusaha untuk berubah lebih baik dan menerima hukuman

yang dijatuhkan. Pemulihan melalui teladan pula merupakan usaha untuk mengubah sikap bagi mencapai dan memperkukuh nilai-nilai yang baik dengan mencontohi sikap dan nilai yang baik pada penghuni lain serta kakitangan penjara. Manakala pemulihan berstruktur pula ialah kaedah pemulihan yang terancang serta sistematik yang mengandungi pengisian, alat bantu mengajar dan terfokus melalui beberapa fasa dan tempoh masa tertentu. Kerangka fasa PPI boleh dirujuk dalam Rajah 1 di bawah. Terdapat empat fasa dalam PPI dan setiap fasa mengandungi modul tersendiri. Fasa I bermula selepas tahanan selesai menjalani tempoh induksi dan mengambil masa selama dua bulan. Modul yang digunakan dalam Fasa I ialah Modul Pendidikan dan Bimbingan. Dalam Modul Pendidikan dan Bimbingan terdapat tujuh sub modul iaitu muhasabah diri, pembentukan diri, pengurusan diri, kemahiran sosial, kenegaraan, perlakuan jenayah dan kerohanian atau moral. Selepas tamat dua bulan mengikuti Fasa I, tahanan perlu melalui proses penilaian oleh jawatankuasa sebelum diluluskan untuk ke Fasa II. Bagi yang gagal mereka perlu mengikuti Fasa I secara sepenuhnya atau sebahagian sahaja. Fasa II berjalan selama enam bulan dan mengandungi empat pendekatan iaitu Pendekatan Psiko Pendidikan, Pendekatan Agama, Pendekatan Psikoterapi dan Pendekatan Akademik. Pendekatan agama melaksanakan pemulihan berasaskan keagamaan melalui modul halaqah (Jabatan Penjara Malaysia 2014). Berikut adalah kerangka bagi PPI:

Berdasarkan kerangka PPI ini, program pemulihan agama merupakan antara pendekatan teras dalam program pemulihan di penjara. Terdapat tiga objektif utama program pemulihan agama; Pertama adalah untuk memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran mengenai agama Islam; Kedua, memastikan amalan fardu ain dan pengetahuan yang telah dipelajari dapat diamalkan secara berterusan dan ketiga, menjadikan Islam sebagai budaya dalam kehidupan seharian (Jabatan Penjara Malaysia 2014).

Walaupun JPM dilihat telah mengorak langkah dengan menyediakan satu pelan jangka panjang dengan melancarkan PPI, ini tidak menghalang usaha pelbagai pihak menyumbang kepada penambahbaikan program keagamaan. Ini dibuktikan dengan kejayaan penerbitan buku Panduan Pengajian Islam Meniti Kegemilangan pada tahun 2008 semasa PPI sedang diperkasakan. Buku ini merupakan terbitan Kelab Sahabat Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama tujuh pensyarah Fakulti Pengajian Islam, UKM yang diketuai oleh Prof. Datin Paduka Dr. Jawiah Dakir. Buku ini yang mengandungi dua bab iaitu bab 1, pengajian akidah yang mengandungi pelajaran berkaitan konsep Iman, Islam dan Ihsan serta rukun-rukun Iman. Manakala bab 2, pengajian fikah mengandungi pelajaran berkaitan rukun Islam, ibadat, hukum syarak, taharah, munakahat, muamalat, undang-undang jenayah, pengurusan jenazah, sembelihan, pakaian dan perhiasan dalam Islam (Jawiah et al. 2008).



RAJAH 2 Kerangka Program Pembangunan Insan

## MODUL HALAQAH

Modul ini dilaksanakan dalam fasa pertama dan fasa kedua. Fasa pertama meliputi dua bulan dan fasa kedua selama enam bulan. Kaedah pelaksanaan modul ini meliputi ceramah, persembahan, perbincangan dalam kumpulan dan kaedah lain yang

bersesuaian. Kaedah penilaian modul ini terpecah kepada dua bahagian iaitu 30% oleh fasilitator melalui kehadiran, penglibatan dan kefahaman manakala 70% oleh Jawatankuasa Kenaikan Fasa melalui mesyuarat. Terdapat tiga objektif dalam modul halaqah iaitu memberi pendedahan tentang asas agama, memperbaiki dan menambah baik akidah, akhlak dan pengetahuan al-Quran tahanan serta yang terakhir melatih tahanan untuk mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Dalam modul halaqah, terdapat lima sub modul iaitu akidah, fekah, hadis, al-Quran dan sirah/akhlak. Pecahannya adalah seperti Jadual berikut:

JADUAL 1 Pengisian Keagamaan Modul Halaqah

Fasa I: Orientasi			
Fekah	Akidah	al-Quran dan Hadis	
1. Rukun Islam.	1. Islam, iman dan ihsan.	1. Fadilat membaca al-Quran.	
2. Ibadah	2. Beriman kepada Allah SWT.	2. Pengenalan hadis	
3. Hukum syarak	3. Beriman kepada Malaikat.	3. Istiazah dan basmalah.	
4. Taharah dan jenis-jenis air.	4. Beriman kepada Kitab.	4. Peranan hadis di samping al-Quran.	
5. Cara-cara bersuci dari hadas besar.	5. Beriman kepada Rasul.	5. Mengenal huruf hijaiyah.	
6. Tayamum dan istinja.	6. Beriman kepada hari akhirat.	6. Kepentingan niat.	
7. Solat.	7. Beriman kepada qada' dan qadar.	7. Mengenal baris huruf serta membunyikan sukukata.	
		8. Halal, haram dan syubhah	
Fasa II: Pengukuhan Sahsiah			
Fekah	Sirah	al-Quran dan Hadis	Akhlak
1. Solat (masbuk).	1. Pengenalan sirah.	1. Mengenal nun sakinah, tanwin, mim dan nun mushaddah.	1. Pengenalan akhlak.
2. Solat (jamak dan qasar).	2. Kehidupan awal Rasulullah SAW.	2. Hadis nabawi dan hadis qudsi.	2. Sifat sabar.
3. Solat Jumaat.	3. Kerasulan Nabi Muhammad SAW.	3. Mengenal izhar hakiki.	3. Taubat
4. Perkara sunat hari Jumaat.	4. Israk dan Mikraj.	4. Perbezaan hadis sahih, hadis daif dan hadis maudu'.	4. Reda.

---

5. Solat sunat.	5. Hijrah.	5. Mengenal idgham.	5. Raja'(harapan).
6. Solat jemaah.	6. Tindakan baginda selepas hijrah.	6. Istilah-istilah dalam hadis.	6. Khauf.
7. Puasa.	7. Peperangan penting baginda.	7. Mengenal ikhfa' hakiki.	7. Syukur.
8. Zakat.	8. Pembukaan Mekah	8. Imam-imam hadis yang masyhur.	8. Takbur.
9. Haji.	9. Pemerintahan Khulafa ar-Rashidun.	9. Mengenal iqlab dan wajibul ghunnah.	9. Tamak.
10. Umrah.		10. Amar makruf nahi mungkar.	10. Hasad.
11. Munakahat dan keluarga Islam.		11. Mengenal mim sakinah.	11. Adab bergaul.
12. Pengurusan jenazah.		12. Memilih sahabat.	12. Aurat.
13. Muamalat.		13. Mengenal hukum <i>ikhfa' syafawi</i> , <i>izhar syafawi</i> dan <i>idgham mithlain</i> .	
14. Undang-undang jenayah.		14. Tolong-menolong.	
15. Sembelihan.		15. Mengenal hukum mad.	
16. Korban.		16. Persaudaraan Islam.	
17. Pemakanan.		17. Tanggungjawab.	
		18. Amalan yang disukai Allah.	
		19. Perkara yang merosakkan iman.	
		20. Mengenal waqaf dan ibtida'.	
		21. Golongan yang dikasihi Allah SWT.	

---

## **PROGRAM TAHFIZ PENJARA**

Program tahfiz di penjara dimulakan pada tahun 2010 (Bernama 2017) dan dilaksanakan di semua institusi penjara di Malaysia (Dewan Rakyat Malaysia 2020). Pelaksanaan program tahfiz dilakukan di bawah modul halaqah (Dewan Rakyat Malaysia 2020) iaitu semasa Fasa II program pemulihan tahanan. Program tahfiz adalah kesinambungan daripada usaha JPM untuk membantu memulihkan tahanan melalui al-Quran (Bernama 2017). Program ini bermula apabila majoriti tahanan yang pada awalnya ditahan tidak mengetahui huruf al-Quran dan tidak boleh membaca al-Quran (Bernama 2017). Namun akhirnya boleh membaca al-Quran dengan baik selepas mengikuti program pemulihan (Bernama 2017). Bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam al-Quran maka program tahfiz diperkenalkan (Bernama 2017). Kini program tahfiz diperhebatkan dengan tahanan yang mengikuti program ini akan dianugerahkan sijil yang diiktiraf di bawah program persijilan Sijil Pengurusan Masjid (SLDN tahap 3) (Dewan Rakyat Malaysia 2020). Sehingga kini terdapat empat buah institusi yang melaksanakan SLDN mewakili empat zon iaitu Penjara Pokok Sena bagi Zon Utara, Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah, Penjara Kluang bagi Zon Selatan, Penjara Tapah bagi Zon Tengah dan Penjara Marang bagi Zon Timur (Dewan Rakyat Malaysia 2020).

### **SEKOLAH AGAMA TARBIYAH HUSNUL KHATIMAH**

Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah dirasmikan penubuhannya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang DiPertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Takzim pada 28 November 2013 (Kementerian Dalam Negeri 2013). Sekolah ini dibina di dalam Kompleks Penjara Kluang, Johor. Di sekolah ini, tahanan berpeluang untuk mengikuti program tahfiz secara bersijil yang diiktiraf oleh kerajaan (Dewan Rakyat Malaysia 2020).

### **SEKOLAH AGAMA (JAIM) HENRY GURNEY**

Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney telah dirasmikan pada 4 Januari 2016 dan terletak di Sekolah Henry Gurney, Melaka (Jabatan Penjara Malaysia 2016). Sekolah ini merupakan kerjasama antara JPM dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Sekolah ini boleh menampung lebih daripada 100 orang pelajar dan semasa hari pelancaran seramai 107 orang pelajar yang terdiri daripada 81 lelaki dan 46 perempuan telah mendaftar (Jabatan Penjara Malaysia 2016). Sekolah ini menggunakan kurikulum Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Ariffin & Ahmad 2021) yang mengandungi lapan subjek iaitu (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2020):

1. al-Quran.
2. Akidah.
3. Ibadah.
4. Sirah.
5. Adab.
6. Bahasa Arab.
7. Jawi dan Khat.
8. Tahfiz al-Quran.

Pelaksanaan program KAFA di sekolah ini dibahagikan kepada dua kelompok iaitu tahap 1 dan tahap 2. Tahap 1 adalah bagi pelajar yang mempunyai tempoh hukuman setahun atau kurang dari itu. Jika mereka memenuhi syarat ini, maka mereka akan mengikuti kurikulum KAFA Tahun 1, 2 dan 3. Manakala tahap 2 adalah bagi pelajar yang mempunyai tempoh hukuman lebih dari setahun yang akan mengikuti kurikulum KAFA Tahun 4, 5 dan 6 (Ariffin & Ahmad 2021).

## **KESIMPULAN**

Kajian menunjukkan Jabatan Penjara Malaysia amat komited dan serius dalam pemulihan tahanan remaja. Ini bermula dengan kejayaan menubuhkan institusi khusus untuk tahanan remaja. Kewujudan institusi tahanan remaja di hampir setiap negeri termasuk di Borneo memperlihatkan kesungguhan JPM untuk menjayakan program pemulihan remaja dalam tahanan. Keberadaan institusi tahanan hampir di setiap negeri di Malaysia memudahkan lawatan dan sokongan ahli keluarga tahanan remaja semasa mereka berada dalam tahanan. Sebelum dibebaskan pula, adalah menjadi tanggungjawab JPM memastikan tahanan mengikuti program pemulihan dengan sempurna. JPM juga telah berjaya menyediakan pelbagai infrastruktur bagi menyokong pelaksanaan program pemulihan di institusi tahanan. Kepelbagaian infrastruktur ini adalah bagi memastikan tahanan remaja mendapat program pemulihan yang sewajarnya dan sesuai untuk diri mereka. Program pemulihan yang menepati kehendak dan minat tahanan remaja, juga mampu mendorong mereka untuk mengikuti program pemulihan dengan jayanya. Walaupun tidak dinafikan kepentingan pendidikan akademik terhadap masa depan tahanan remaja namun tidak semua mereka berkemampuan untuk menghadiri kelas dan menduduki peperiksaan. Selain itu, JPM juga memberikan pilihan kepada tahanan remaja dengan menyediakan program seperti kemahiran dan vokasional bagi memastikan tahanan remaja dilengkapi dengan kemahiran sewajarnya sebelum mereka dibebaskan. Perkara ini bagi memastikan mereka mempunyai perancangan kerjaya yang baik selepas dibebaskan. Selain program akademik, vokasional dan kemahiran, JPM turut menekankan program pemulihan keagamaan. Program pemulihan keagamaan di penjara telah melalui



proses perkembangan yang panjang. Bermula sejak sebelum merdeka sehingga ke hari ini, perbincangan untuk menambah baik program ini masih diteruskan. Keberadaan program pemulihan keagamaan hari ini merupakan hasil kejayaan JPM yang sentiasa berusaha dalam merancang dan melaksanakan program pemulihan terbaik di penjara. Kejayaan JPM dalam merangkul pelbagai pihak dari dalam dan luar institusi tahanan juga menyumbang kepada hasil hari ini. Sumbangan pelbagai pihak luar seperti badan agama, ahli akademik, agamawan serta NGO memperlihatkan JPM tidak bergerak secara bersendirian dan secara tidak langsung menyumbang kepada pelaksanaan program pemulihan yang berkesan. Namun, JPM perlu sentiasa bersedia dan terus melakukan sesi libat urus bersama pihak-pihak yang berkepentingan dalam program pemulihan keagamaan ini bagi memastikan kelangsungan program pemulihan. Sifat manusia yang dinamik memberikan satu tekanan kepada keberkesanan satu-satu program pemulihan agar sentiasa sesuai dengan peredaran zaman.

## **PENGHARGAAN**

Geran Khas Penyelidikan 2021, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: UMG006L-2022.

## **RUJUKAN**

- Ab Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Siren, Siti Jamiaah Abdul Jalil, Mohd Norjefri Mat Midin, J. H. 2018. *Pendekatan Dakwah Terhadap Banduan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Alzahrin Alias & Nasaruddin Parzi. 2015. Hikmah masuk Henry Gurney. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/06/59497/hikmah-masuk-henry-gurney> [10 Jun 2020].
- Andrews, P. L. 2018. *Children in Conflict with the Law: Is There a Basis for a Rights-Based Argument for Diversion in Malaysia?* PQDT - Global.
- Ariffin, M. T. & Ahmad, S. Z. @. 2021. Arabic Language Learning Among Juvenile At Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney , Telok Mas , Melaka 22(1): 36–52.
- Asmawati Suhid, Fathiyah Fakhruddin, Lukman Abdul Mutalib & Abd. Muhsin Ahmad. 2018. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Menerapkan Nilai Akhlak Murid Banduan Muda : Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 3(9): 17–29.

- Baharullah Adam. 2004. Sekolah Henry Gurney Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Becci, I. & Dubler, J. 2017. Religion and Religions in Prisons: Observations from the United States and Europe. *Journal for the Scientific Study of Religion* 56 (2): 241–247.
- Bernama. 2017. Ramai anduan bergelar hafiz selepas ikuti kelas al-Quran di penjara. *Malaysia Dateline*. <https://malaysiadateline.com/ramai-banduan-bergelar-hafiz-selepas-ikuti-kelas-al-Quran-di-penjara/> [27 September 2020].
- Bernama. 2019. KBS sedia buka ruang pelajar Henry Gurney jadi atlet negara | Stadium Astro. *Stadium Astro*. <https://www.stadiumastro.com/berita-sukan/kbs-sedia-buka-ruang-pelajar-henry-gurney-jadi-atlet-negara-127785> [10 Jun 2020].
- Byrne, J. M. 2020. The effectiveness of prison programming: A review of the research literature examining the impact of federal, state, and local inmate programming on post-release recidivism. *Federal Probation* 84(1): 3–20.
- Darussalam Budin. 2014. Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, hala tuju, pelaksanaan dan cabaran. *Jurnal Hadhari* 6 (1): 87–104.
- Dewan Rakyat Malaysia. 2020. Pemberitahuan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. (13) Parlimen Keempat Belas Penggal Ketiga.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2020. *Kurikulum Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Jabatan Penjara Malaysia. t.th. Tentang Kami. <https://eshopshgtm.myfreesites.net/tentang-kami> [9 Jun 2020].
- Jabatan Penjara Malaysia. t.th. Info Muzium. [http://jpmportal.prison.gov.my/muzium/index.php?option=com\\_content&view=article&id=57&Itemid=259&lang=en](http://jpmportal.prison.gov.my/muzium/index.php?option=com_content&view=article&id=57&Itemid=259&lang=en) [10 Jun 2020].
- Jabatan Penjara Malaysia. t.th. Bekas Pengarah Penjara. *Jabatan Penjara Malaysia*. [http://jpmportal.prison.gov.my/muzium/index.php?option=com\\_content&view=article&id=5&Itemid=195&lang=en](http://jpmportal.prison.gov.my/muzium/index.php?option=com_content&view=article&id=5&Itemid=195&lang=en) [10 Jun 2020].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2008. Lawatan Menteri Dalam Negeri Ke Jabatan Penjara Malaysia. <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/44363-Lawatan-Menteri-Dalam-Negeri-Ke-Jabatan-Penjara-Malaysia> [30 Jun 2022].

- Jabatan Penjara Malaysia. 2012. Lawatan Kerja YBhg. KJP Dato' Sri Hj. Zulkifli Bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia ke Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah. <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/1728-lawatan-kerja-ybhg-kjp-dato-sri-hj-zulkifli-bin-omar-ketua-pengarah-penjara-malaysia-ke-sekolah-henry-gurney-keningau-sabah> [24 Jun 2020].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2014. Program Pembangunan Insan Jabatan Penjara Malaysia. Kajang: Seksyen Pemulihan dan Rawatan Ibu Pejabat Penjara Malaysia.
- Jabatan Penjara Malaysia. 2016. Program Kesihatan dan Pemeriksaan Penghuni Wanita SHG Telok Mas. <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/47373-Program-Kesihatan-dan-Pemeriksaan-Penghuni-Wanita-SHG-Telok-Mas> [9 Jun 2022].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2016. Pelancaran Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney Telok Mas Melaka. [https://www.prison.gov.my/ms/arkib/47482-Pelancaran-Sekolah-Agama-\(JAIM\)-Henry-Gurney-Telok-Mas-Melaka](https://www.prison.gov.my/ms/arkib/47482-Pelancaran-Sekolah-Agama-(JAIM)-Henry-Gurney-Telok-Mas-Melaka) [27 September 2020].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2018. Pusat Koreksional Puncak Alam | Facebook. [https://www.facebook.com/pkpaprison/about\\_details](https://www.facebook.com/pkpaprison/about_details) [18 Julai 2020].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2018. Laporan Program Restu Ilmu 2018, Sekolah Integriti Marang. <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/49655-Laporan-Program-Restu-Ilmu-2018,-Sekolah-Integriti-Marang> [20 Julai 2020].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2019. Program Kebudayaan Penghuni Tun Teja Sekolah Henry Gurney Telok Mas 2019. <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/3089-program-kebudayaan-penghuni-tun-teja-sekolah-henry-gurney-telok-mas-2019> [10 Jun 2020].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2019. Temasya Sukan Kali Pertama Sekolah Integriti Puncak Alam 2019. <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/3011-temasya-sukan-kali-pertama-sekolah-integriti-puncak-alam-2019> [20 Julai 2020].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2020. Program Sambutan Hari Raya Aidiladha SHG Telok Mas Melaka. <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/2798-program-sambutan-hari-raya-aidiladha-shg-telok-mas-melaka> [10 Jun 2022].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2020. Program Sekolah Henry Gurney Fit & Aktif (Latihan Kecergasan Fizikal). *Jabatan Penjara Malaysia*. <https://www.prison.gov.my/en/arkib/3378-program-sekolah-henry-gurney-fit-aktif-latihan-kecergasan-fizikal> [10 Jun 2022].

- Jabatan Penjara Malaysia. 2020. Penghuni Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka Terima Sijil Penghargaan Dari Jabatan Oftalmologi Hospital Melaka. *Jabatan Penjara Malaysia*. <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/1106-penghuni-sekolah-henry-gurney-telok-mas-melaka-terima-sijil-penghargaan-dari-jabatan-oftalmologi-hospital-melaka> [10 Jun 2022].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2020. Sekolah Integriti. <https://www.prison.gov.my/en/profil-kami/profil-institusi/sekolah-integriti> [3 Julai 2022].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2020. Program Sambutan Hari Raya Aidilfiri Sekolah Integriti Kota Kinabalu (SIKK) Bagi Tahun 2020. <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/1056-program-sambutan-hari-roya-aidilfiri-sekolah-integriti-kota-kinabalu-sikk-bagi-tahun-2020> [20 Julai 2022].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2021. Unit Akademik SHG Telok Mas Laksanakan PdPR Kepada Pelajar SPM 2021. <https://www.prison.gov.my/en/latest-news/3611-unit-akademik-shg-telok-mas-laksanakan-pdpr-kepada-pelajar-spm-2021> [9 Jun 2022].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2021. Penjara Pra Bebas Dusun Dato' Murad. <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/penjara-pusat-koreksional/3543-penjara-pra-bebas-dusun-dato-murad> [10 Jun 2022].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2021. Pusat Pemulihan Akhlak. <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/pusat-pemulihan-akhlak> [11 Jun 2022].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2021. Sekolah Henry Gurney. <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/sekolah-henry-gurney> [19 Jun 2022].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2021. Penjara Wanita Kota Kinabalu. <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/penjara-pusat-koreksional/3557-penjara-wanita-kota-kinabalu> [28 Jun 2022].
- Jabatan Penjara Malaysia. 2021. Program Bicara Hati #Pesan Abang Untuk Adik Bagi Pelajar Sekolah Integriti Puncak Alam, Pusat Koreksional Puncak Alam, Selangor. *Jabatan Penjara Malaysia*. <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/3648-program-bicara-hati-pesan-abang-untuk-adik-bagi-pelajar-sekolah-integriti-puncak-alam-pusat-koreksional-puncak-alam-selangor> [20 Julai 2022].
- Jawiah Dakir, Siti Rugayah Tibek, Idris Abdullah, Mazlan Ibrahim, Khaidzir Ismail, Shofian Ahmad & A'dawiyah Ismail. 2008. *Panduan Pengajian Islam Meniti Kegemilangan*. Kajang: Jabatan Penjara Malaysia.

- Kementerian Dalam Negeri. 2013. Ucapan Menteri Dalam Negeri Perasmian Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah Di Penjara Kluang, Johor oleh DYMM Sultan Johor. *Kementerian Dalam Negeri*. <https://www.moha.gov.my/index.php/en/maklumat-korporat22-4/arkib-test/325-arkib-berita/1226-ucapan-menteri-dalam-negeri-perasmian-sekolah-agama-tarbiyah-husnul-khatimah-di-penjara-kluang-johor-oleh-dymm-sultan-johor> [28 September 2022].
- Malaysia, J. P. 2013. Sekolah Henry Gurney Melaka. *Jabatan Penjara Malaysia*. <https://shgmelaka.blogspot.com/> [10 Jun 2022].
- Muzium Jabatan Penjara Malaysia. 2021. *Sejarah Sekolah Henry Gurney*.
- Patricia Gari. (n.d.). Sekolah Henry Gurney S'wak beroperasi mulai 1 Oktober. <https://www.theborneopost.com/2015/07/02/sekolah-henry-gurney-swak-beroperasi-mulai-1-oktober/> [2 Jun 2022].
- Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka. 2020. Sekitar Majlis Perasmian Perpustakaan Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka – PERPUSTAM. <http://perpustam.gov.my/en/index.php/2020/04/17/sekitar-majlis-perasmian-perpustakaan-sekolah-henry-gurney-telok-mas-melaka/> [10 Jun 2022].
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. 2006. Akta 611, Akta Kanak-Kanak 2001. *Undang-Undang Malaysia 137*.